



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR  
30 MEI 2018 (RABU)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**The Star**

- |  |    |
|--|----|
| - Casheless initiative in S'gor gets positive response | 10 |
|--|----|

**Utusan Malaysia**

- |                           |    |
|---------------------------|----|
| - 'Ingatkan tanah runtuh' | 21 |
|---------------------------|----|

**Sinar Harian**

- |                            |    |
|----------------------------|----|
| - Cadang wujud agensi khas | 25 |
|----------------------------|----|

**Harian Metro**

- |                    |    |
|--------------------|----|
| - Ranap kena timpa | 72 |
|--------------------|----|



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR  
30 MEI 2018 (RABU)**

Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Cashless initiative in S'gor gets positive response
Muka Surat	10

10 Events

TS 30/5/18 Mys 10

By SHALINI RAVINDRAN  
shaliniravindran@thestar.com.my

A TRIP to the Ramadan bazaar is now made easier with the cashless transaction initiative by Smart Selangor Delivery Unit (SSDU). SSDU introduced the mobile app Boost for customers and traders at bazaars in Selangor for shoppers to enjoy hassle-free e-wallet transactions.

SSDU managing director Dr Mohammad Fahmi Ngah said the pilot project for the initiative introduced at the Pandan Indah bazaar had received positive response.

"Out of the almost 100 traders, 50 are using the app to receive payments, while 400 people downloaded the app in Pandan Indah," he said.

Users can download the app from either Google Play Store or Apple App Store, transfer money to the e-wallet and use the scan and pay function to scan the QR code.

Dr Mohammad Fahmi said the introduction of the Boost application for the past two months was part of the Smart Selangor programme.

"After Ramadan bazaars, we will move into the Aidilfitri bazaars as well as into shopping malls."

"We also have plans to expand the usage to local council-type services such as renting of halls," he said after launching the Bazaar Ramadan Mampan in Pandan Indah.

He added that the app would be introduced to the masses via pub-

lic engagements with local councils and through SSDU as well.

"It is all done in a safe, secure and reliable manner."


"Before we started, we filtered through several other e-wallet players and Boost came out as the top as it provides users with RM5 when they first download the app," he said.

Pandan Indah assemblyman Izham Hashim said apps like these could be a game changer in how businesses were conducted.

Also present at the event was Ampang Jaya Municipal Council president Abdul Hamid Hussain.

# Cashless initiative in S'gor gets positive response

E-wallet app used at bazaars to be extended to Aidilfitri events and malls



Izham (second from left) and Abdul Hamid (right) promoting the Boost e-wallet app at the Ramadan bazaar in Pandan Indah.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
30 MEI 2018 (RABU)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	'Ingatkan tanah runtuh'
Muka Surat	21

UTUSAN MALAYSIA • RABU 30 MEI 2018

um 30/5/18 M/S 21



PENGURUSI Masjid Bukit Antarabangsa, Zulkifli Ahmad (kanan) melihat bongkah batu besar yang jatuh nyaris memusnahkan garaj masjid ketika solat isyak di Bukit Antarabangsa, Hulu Klang, Selangor, semalam. - UTUSAN/AHMAD MUZAMMIL HAFLAN

Bunyi dentuman kuat mengejutkan jemaah masjid

## 'Ingatkan tanah runtuh'

Oleh NAIMAH MOHD.  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 29 MEI

BUNYI dentuman kuat mengejutkan kira-kira 200 jemaah Masjid Bukit Antarabangsa dekat sini yang sedang membuat persiapan menuaikan solat isyak, semalam.

Keadaan gelap menimbulkan kebimbangan penduduk yang masih trauma dengan kejadian tanah runtuh kira-kira 10 tahun lalu.

Menurut seorang penduduk, Yuzzaer Puteh, 43, kejadian berlaku kira-kira pukul 8.30 malam ketika dia berada dalam masjid untuk bersiap menuaikan solat.

"Bunyi dentuman memang sangat kuat sehingga sebahagian jemaah yang berada dalam masjid meluruh keluar melihat apa yang berlaku.

"Jemaah yang baru tiba dan



YUZAER PUTEH      ERIKO MOTOYAMA

hubung bomba dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Menurutnya, sepasukan bom-ba tiba dalam masa kira-kira satu jam dan mereka mengesahkan hanya dua bongkah batu besar jatuh menimpas bangsal yang digunakan untuk membakar lemang di bahagian belakang masjid tersebut.

Semalam, sebongkah batu kapur sebesar 8,361 sentimeter

kat bangunan itu terjatuh dari atas bukit berham-piran, bagaimanapun pihak bomba mengesahkan tiada pergerakan tanah berlaku dan kawasan tersebut disahkan selamat.

Seorang lagi penduduk yang juga Pengarah Program Pengawasan Cerun Bukit Antarabangsa, Eriko Motoyama berkata, kejadian itu dipercayai berlaku disebabkan banyak faktor antaranya gempa bumi, letupan di kawasan pembinaan atau pun terdapat rekaan semula jadi pada batu-batu tersebut.

"Penduduk di sini kebanyakannya sudah mendapat pendedahan untuk mengenal pasti tanda-tanda awal tanah runtuh berikutnya beberapa kejadian besar yang berlaku di sini."

"Jika dilihat dalam masa 10 tahun ini trend tanah runtuh su-



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**30 MEI 2018 (RABU)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Cadang wujud agensi khas
Muka Surat	25

# Cadang wujud agensi khas

84 30/5/18 14/5/25

*KPKT mahu pembangunan di cerun dipantau*

AHMAD ISMADI ISMAIL

AMPANG

**M**enteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Zuraida Kamaruddin mencadangkan agar diwujudkan agensi yang bertanggungjawab untuk memantau pembangunan di cerun supaya ia lebih holistik.

Zuraida berkata, perkara itu masih dalam peringkat perbincangan pihaknya bersama agensi lain yang berkaitan seperti Jabatan Kerja Raya (JKR).

"Sekarang kita hanya ada Unit Cerun, saya difahamkan ia tidak melihat pembangunan di cerun secara holistik.



Zuraida sedang mendengar taklimat berkaitan insiden bongkah batu terjatuh.

Kita juga akan mengkaji Pelan Induk Cerun Negara, perkara ini akan dibawa ke mesyuarat Kabinet.

"Mesti ada satu agensi yang bertanggungjawab memantau pembangunan di cerun agar ia lebih terurus, terancang dan kemas serta memastikan pembangunan di lereng bukit itu lebih selamat," katanya.

Beliau berkata, beberapa negara luar seperti di Hong Kong ada melaksanakan

pembangunan di lereng bukit.

"Kita akan melihat modul yang telah dilaksanakan di negara berkenaan agar ia dapat diperaktikkan di sini," katanya dalam lawatan ke tapak lokasi insiden kegelinciran bongkah batu berhampiran Masjid Bukit Antarabangsa, di sini, semalam.

"Walaupun insiden ini tidak besar, namun ia memberi kesan, kita harus melihat beberapa aspek agar perkara

sebegini tidak berulang" katanya mengulas mengenai kejadian itu.

Dalam kejadian berkenaan, struktur garaj di masjid berkenaan dihempap oleh bongkah batu kapur. Bagaimanapun, tiada kemalangan jiwा mahupun sebarang kecederaan dalam insiden 9.30 malam kelmarin itu.

Penolong Pengarah (Operasi) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)



Bongkah batu terjatuh memusnahkan garaj.

Selangor, Mohd Rizal Buang berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 9.40 malam.

Seorang pegawai bersama lima anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Ampang bergerges ke lokasi kejadian.

"Bagaimanapun, tiada mangsa dilaporkan terbabit dalam kejadian itu sebelum kes diserahkan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk tindakan susulan. Runtuhannya

\* Dua Belas & Penuang \*

**WORLD #QuranHour**

Satu jam bersama al-Quran

7 JUN 2018

22 RAMADAN 1439H

Pelaksanaan Seluruh Dunia - Ummah - Mefah & Al-Qur'an



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
30 MEI 2018 (RABU)

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Ranap kena timpa
Muka Surat	72

**72** tengah **30-05-2018**

**Ampang**

**B**ukan tanah runtuh tapi bongkah batu yang terjatuh atas pondok di pekarangan Masjid Bukit Antarabangsa malam tadi (kelmarin),” kata nazir masjid, Zulkifli Ahmad ketika ditemui di sini, semalam.

Zulkifli berkata, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin dan beberapa pegawai Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) melakukan tinjauan pagi semalam untuk melihat dan memeriksa kawasan sebelum mengambil tindakan susulan.

Katanya, Zuraida selaku Ahli Parlimen Ampang turun padang bagi melihat sendiri keadaan pondok itu dengan penerangan disampaikan wakil MPAJ.

“MPAJ akan mengambil

**FAKTA**  
**Pegawai MPAJ akan potong okar pokok reput, bersihkan kawasan berkaitan sebelum batu pulih pondok**

tindakan susulan termasuk memasang alat atau mewujudkan ruang ‘penahan’ batu.

“Ahli masjid turut diberitahu pegawai MPAJ akan memotong akar pokok yang reput, bersihkan kawasan berkaitan sebelum membalaik pulih pondok berkenaan,” katanya.

Ahli Jawatankuasa masjid, Johari Abdul Jalil berkata, pondok itu diajukan tempat membakar lemak dua kali setahun iaitu pada sambutan Aidilfitri dan Aidiladha.

“Di pondok ini, kami bakar lemak dan kadang-kadang menjadi tempat jemaah berhat.

“Ini kejadian kali pertama. Terkejut jemaah masjid semalam (kelmarin) ketika mendengar bongkah batu jatuh. Mujur tiada orang di pondok,” katanya.

Sementara itu, Pengarah

**Ranap kena timpa**

**Batu besar hampap pondok bakar lemak Masjid Bukit Antarabangsa**

FOTO: ROHANIS SHUKRI

**KARIAH** masjid menunjukkan runtuhan bongkah batu di kawasan Masjid Bukit Antarabangsa.

Program Kawasan Cerun Bukit Antarabangsa, Eriko Motoyama berkata, kejadian mungkin berlaku susulan hasil campuran air hujan, kesan bahan kimia dan pancaran matahari terhadap batu terbitai.

Beliau berkata, batu itu secara tidak langsung menjadi licin dan merekaht.

“Saya berpendapat kejadian ini akibat alam semula jadi. Ia bukan sesuatu perkara di luarjangkaan kerana Bukit Antarabangsa mempunyai banyak kawasan cerum.

“Apa yang kita boleh buat adalah sentiasa mengingatkan penduduk mengenai langkah susulan dan sentiasa berhubung dengan pihak berkuastra tempatan (PBT),” katanya.

Kelmarin, media melaporkan struktur garaj di Masjid Bukit Antarabangsa, Taman Bukit Utama di sini, dihempap bongkah batu kapur akibat tanah runtuh.

Bagaimanapun, tiada kemalangan jiwa dilaporkan dalam kejadian jam 9.30 malam itu.